

13 JUN 2003

Mahathir-Turki

JADIKAN TURKI PINTU MASUK KE PASARAN LEBIH BESAR, KATA PM

PUTRAJAYA, 13 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menggesa sektor swasta Malaysia menjadikan Turki sebagai "pintu masuk" ke pasaran negara-negara Kesatuan Eropah, Asia Barat dan Asia Tengah.

Perdana Menteri berkata mereka patut memanfaatkan kedudukan strategik dan unik Turki yang terletak antara benua Asia dan Eropah yang menjadi aset kepada negara berkenaan.

Beliau turut menjemput syarikat-syarikat Turki yang berminat untuk memasuki pasaran besar Asia dan mengambil peluang daripada Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

"Dengan berpangkalan di Malaysia, mereka akan dapat berkembang dan merebut peluang bukan sahaja di pasaran Asean tetapi juga di pasaran dunia terbesar iaitu China," katanya ketika berucap pada jamuan malam bagi meraikan Perdana Menteri Turki, Recep Tayyip Erdogan yang melakukan lawatan tiga hari ke Malaysia bermula hari ini.

Dr Mahathir berkata pasaran Afta, dengan penduduk 400 juta dan gabungan Keluaran Domestik Negara Kasar (GDP) AS\$500 juta, mempunyai potensi perdagangan yang besar dan menguntungkan kepada syarikat-syarikat Turki.

Selain itu, Dr Mahathir mengesyorkan supaya langkah positif diambil ke arah menghidupkan semula Dewan Perniagaan Malaysia-Turki dan Suruhanjaya Bersama Ekonomi dan Perdagangan yang tidak begitu aktif buat sekian lama.

Kedua-dua pemimpin itu mengadakan mesyuarat di Jabatan Perdana Menteri di sini petang tadi.

Menurut Dr Mahathir, perbincangan yang diadakan telah membuka ruang kepada kedua-dua belah pihak untuk meneliti semula dan mengenalpasti arah tuju untuk mengeratkan lagi hubungan dua hala.

Beliau berkata jumlah perdagangan dua hala pada tahun 2002 berjumlah AS\$270 juta dengan eksport dari Malaysia berjumlah AS\$211 juta.

"Kita telah berusaha meningkatkan pelaburan dan perdagangan dua hala tetapi satu langkah lebih konkrit dan berterusan perlu diambil untuk mencapai tahap potensi sebenar perdagangan serta peluang perniagaan yang masih banyak belum diterokai oleh kedua-dua negara," katanya.

Dalam ucapan itu, Dr Mahathir turut mengimbas kenangan manis semasa beliau melawat Turki pada tahun 1983, 1994 dan sekali lagi pada 1997 untuk menghadiri Sidang Kemuncak D8 yang dianjurkan buat kali pertama di Istanbul.

Beliau berkata Turki bukan sahaja kaya dengan nilai-nilai kebudayaan dan adat resam, tetapi juga dianugerahkan landskap dan pemandangan yang sangat cantik dan menarik.

Beliau berkata lawatan Erdogan akan mengukuhkan lagi ikatan persaudaraan antara kedua-dua negara Islam itu yang mana ibu kota masing-masing, Kuala Lumpur dan Ankara merupakan bandar berkembar.

-- BERNAMA

MAM SHI PR